

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	: Pengarah (Pegawai Teknologi Maklumat)
Gred Jawatan	: F13
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	: Sistem Maklumat (F)
Jadual Gaji	: RM6,210.00 – RM14,370.00
Taraf Jawatan	: Kontrak (Contract of Service)
Syarat Lantikan	: 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) kelayakan: i. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer/ teknologi maklumat/ pengurusan maklumat/ perkomputeran perniagaan/ kejuruteraan sistem/ kejuruteraan komputer/ kejuruteraan pangkalan data/ kejuruteraan rangkaian komputer/ keselamatan ICT/ keselamatan siber/ <i>Intelligent System</i> atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau ii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau iii. Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer/ teknologi maklumat/ pengurusan maklumat/ perkomputeran perniagaan/ kejuruteraan sistem/ kejuruteraan komputer/ kejuruteraan pangkalan data/ kejuruteraan rangkaian komputer/ keselamatan ICT/ keselamatan siber/ <i>Intelligent System</i> atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau iv. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer/ teknologi maklumat/ pengurusan maklumat/ perkomputeran perniagaan/ kejuruteraan sistem/ kejuruteraan komputer/ kejuruteraan pangkalan data/ kejuruteraan rangkaian komputer/ keselamatan ICT/ keselamatan siber/ <i>Intelligent System</i> atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

KELAYAKAN KHUSUS

- Mempunyai kepakaran di dalam pelbagai bahasa pengaturcaraan dan sistem pengoperasian.
- Berpengetahuan atau berpengalaman dengan *business* yang berkaitan (kewangan/ ekonomi/ akaun/ pelaburan/ audit) adalah satu kelebihan.
- Memiliki pensijilan ITIL (*Information Technology Infrastructure Library – is an integrated set of best-practice lifecycle*) atau sudah biasa/berpengalaman menggunakan ITIL *diberi keutamaan*.
- *Certified Developer* (yang berkaitan dengan keperluan dan tugas projek atau *business – contoh Java Certified, PMP* dan lain-lain yang berkaitan) adalah satu kelebihan.
- Mempunyai pengetahuan atau pengalaman di dalam *programming/ web development/ mobile application development/ tools development* adalah satu kelebihan.
- Pemahaman yang baik dalam pentadbiran *server* dan *logical system*.
- Pemahaman asas *network* dan *firewalls* dalam persekitaran *enterprise* dan pemahaman yang mendalam dalam amalan terbaik persekitaran *enterprise*.
- Kemahiran dalam Pengurusan Sistem/ *Enterprise*.
- Boleh berkomunikasi dan menulis dengan baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- Mempunyai pengetahuan/ kemahiran/ pendedahan dan pengalaman dalam pelbagai jenis teknologi.
- Berfikiran analitik, penilaian risiko dan penyelesaian masalah yang baik.
- Boleh menguruskan projek IT yang bernilai tinggi, sumber tenaga yang ramai, pengurusan bajet yang baik dan penggunaan teknologi yang berkesan serta dapat memberi keuntungan atau manfaat kepada organisasi.

KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON

- Mempunyai pengalaman sebagai ketua/ pengurus seksyen/ bahagian IT/ projek IT (yang bernilai tinggi/ sumber tenaga yang ramai, *multi-sources budget/ manpower/ technologies/ method*).
- Mempunyai pengalaman dalam pembangunan sistem:
 - *System Analyst* – lebih dari 10 tahun atau lebih dari 7 projek pembangunan sistem (*research, understand the business and requirements and design solutions by consolidating business and IT together*).
 - *Solution architect* - lebih dari 7 tahun atau lebih dari 5 projek pembangunan sistem (*system solutioning expert*).
 - Pengalaman dalam Windows Server 2008/ Windows Server 2012 operating system serta komponen OS, Terminal Services dan VMWare.
 - Berpengalaman di dalam *open source platform* adalah satu kelebihan
 - Kemahiran yang baik dalam *troubleshooting* dan berkebolehan dalam mengenalpasti *root cause* laporan insiden.
 - Keupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan (lisan dan penulisan surat menyurat) secara profesional dengan teknikal dan bukan teknikal.
 - *Self-starter*, boleh bekerja *multi-tasking* dan *independent*.
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lebih dari lima (5) tahun dalam pengurusan projek ICT/ *Project Management Office*.
- Pernah terlibat/ mempunyai pengalaman dalam pembangunan sistem agensi kerajaan/ badan berkanun/ pihak berkuasa tempatan.
- Mempunyai pengalaman dalam usahasama/ kerjasama dalam pembangunan sistem/ pengurusan projek ICT bersama agensi kerajaan/ badan berkanun/ pihak berkuasa tempatan.

Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas Dan Tanggungjawab : a) Bertanggungjawab terhadap perancangan pelaksanaan ICT dalam menyokong urusan teras, objektif, misi dan visi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
b) Memastikan pembangunan program pendigitalan ICT SKM adalah selaras dengan Misi dan Visi Kementerian.
c) Membangun, melaksanakan, menyelaras, memantau dan merealisasikan program dan projek ICT yang digariskan di dalam pelan pendigitalan ICT SKM.
d) Merancang dan menentukan keperluan infrastruktur dan peruntukan ICT SKM seterusnya memastikan keberkesanan penggunaan sumber kewangan mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.
e) Merancang pembangunan polisi dan dasar ICT SKM.
f) Menentukan hala tuju ICT SKM.
g) Mewakili SKM dalam mesyuarat / kursus / seminar berkaitan dengan ICT di peringkat Kementerian dan Kerajaan Persekutuan.
h) Memantau prestasi dan keberkesanan kerja-kerja yang dijalankan oleh Unit/ Sekyen Bahagian
i) Memantau tugas-tugas perancangan, penganalisan, pembangunan dan penyelenggaraan sistem aplikasi khususnya bagi keperluan bahagian di SKM dan gerakan koperasi.
j) Memantau perancangan dan penganalisan ke atas keperluan peningkatan kepada aplikasi sedia ada dan penambahan aplikasi baru serta membuat cadangan kepada perubahan yang dianggap perlu dari semasa ke semasa.
k) Memantau pengurusan infrastruktur/ komunikasi dan keselamatan ICT bagi keseluruhan jabatan.
l) Mengurus dan menggembeng projek ICT serta mensintesis pengurusan sumber, infrastruktur dan kewangan.
m) Menyelaraskan tanggungjawab, tugas dan *output* Bahagian dan memastikan ianya difahami oleh setiap pegawai dan kakitangan mengikut apa yang dirancangkan.
n) Mengurus, menyelaras dan memantau kerjasama dengan Kementerian/ MAMPU/ Agensi yang berkaitan dalam pembangunan sistem dan Integrasi, infrastruktur, rangkaian dan keselamatan ICT.
o) Merancang, menganalisis, menyelaras keperluan, merekabentuk, *solution architect*, membangun, melaksanakan dan pengurusan risiko bagi pembangunan Sistem Pengurusan Koperasi Bersepadu dan Sistem Maklumat Pengurusan Koperasi (SMPK).
p) Sentiasa *up to date* dengan keperluan semasa dan memberi pandangan/ nasihat berkaitan keperluan teknologi ICT kepada BPM, Pengurusan Atasan dan pihak-pihak yang berkaitan.
q) Merancang, mengkaji, menganalisis, menyelaras, mengurus dan melaksanakan keperluan teknologi semasa berdasarkan dasar/ polisi semasa Kerajaan/ MAMPU/ SKM.
r) Perancangan, penyelarasan dan pengurusan *project roll out*, latihan dan khidmat sokongan teknikal.
s) Menguruskan dan menyelaraskan *change management* (CM) yang melibatkan projek/program ICT (pembudayaan ICT).

- t) Merancang/ Memantau/ memastikan pengurusan dan pentadbiran sistem/data/perkhidmatan ICT mengikut piawaian yang ditentukan.
- u) Memastikan perkhidmatan penyampaian melalui sistem bersepadu SKM berjalan dengan baik.
- v) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.
- w) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu pejabat dan di mana-mana lokasi seperti yang diarahkan

Tarikh Tutup Permohonan : **18 Mei 2026 (Isnin)**

Cara Memohon Sila kemukakan resume yang lengkap dengan menyatakan nama jawatan dan jangkaan gaji yang dipohon ke emel admin_ekerjaya@skm.gov.my.